

1060

## SURAH-SURAH MAKIYYAH ASAS KEUTUHAN AKIDAH UMMAH

Abdul Mukti Baharudin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[abdulmukti@kuis.edu.my](mailto:abdulmukti@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Ilmu Makki merupakan salah satu daripada cabang ilmu dalam Ulum al-Quran. Ia merupakan ilmu yang membicarakan perihal surah-surah yang dinisbahkan kepada Mekah. Namun demikian, ramai yang tidak memberikan perhatian yang khusus dan mendalam kepada tajuk, isi kandungan dan isu yang dibincangkan di dalamnya. Di antara isu utama yang ditonjolkan dalam surah Makkiyyah ialah menyeru kepada ketauhidan dan penyembahan kepada Allah s.w.t. yang Maha Esa, menyatakan tentang hari kiamat dan keadaannya, hari kebangkitan dan pembalasan, syurga dan nikmat-nikmatnya, neraka dan azab-azabnya serta perdebatan dengan golongan musyrikin. Oleh kerana itu, surah-surah Makkiyyah ini seharusnya dikaji secara teliti agar ia menjadi solusi kepada pelbagai isu akidah hari ini. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa surah-surah Makkiyyah amat penting dijadikan sebagai rujukan dalam memastikan keutuhan akidah ummah. Bahkan pelbagai modul pemantapan akidah boleh dihasilkan menerusi kajian terhadap surah-surah tersebut.*

**Kata Kunci:** Surah, Makkiyyah, Akidah, Dan Ummah

### 1. PENGENALAN

Ilmu *Makki* dan *Madani* merupakan salah satu daripada cabang ilmu dalam Ulum al-Quran. Ia merupakan ilmu yang membicarakan perihal surah-surah yang dinisbahkan kepada negeri Mekah dan Madinah. Mempelajari ilmu *Makki* dan *Madani* ini mempunyai faedah dan manfaat yang tersendiri terutamanya kepada pendakwah yang ingin melaksanakan tugas menyampaikan ajaran Islam. Namun, kajian ini akan memfokuskan kepada pengkajian surah-surah Makkiyyah sebagai asas akidah yang sahih dan mantap. Muhammad Abdul Azim al-Zarqani menyatakan:

Di antara faedah mengetahui *Makki* dan *Madani* ialah mengetahui tarikh tasyri' dan peringkat-peringkat pensyariatannya secara umum, dan yang demikian itu membawa kepada kepercayaan dan keyakinan terhadap kehebatan politik Islam dalam mentarbiyyah masyarakat dan individu. (Muhammad, 1996)

### 2. METODOLOGI KAJIAN

Bagi memenuhi tujuan kajian ini, penulis telah mengambil pendekatan metode kualitatif. Penyelidikan kualitatif lazimnya dipengaruhi oleh pendekatan teoritikal yang menjadi asas kepada kajian secara keseluruhan. (Othman, 2009) Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dilakukan terhadap satu cabang daripada Ulum al-Quran, iaitu ilmu *Makki* dan kepentingannya sebagai asas keutuhan akidah umat Islam di sepanjang zaman. Bagi penulisan kertas kerja ini, kajian ini lebih tertumpu kepada perbincangan ilmu *Makki* oleh ulama'-ulama' Ulum al-Quran di dalam kitab-kitab mereka. Natijah daripadanya, dibincangkan pula kepentingan dan faedahnya kepada akidah umat Islam.

### 3. DEFINISI SURAH, MAKKI DAN AKIDAH

#### Definisi Surah

Menurut Imam Suyuti dalam kitabnya, mendefinisikan perkataan surah dengan mengambil pendapat al-Qutabi:

Kalimah surah ada yang dihamzahkan (سُورَةٌ) dan ada pula yang tidak (سُورَةٌ). Jika dihamzahkan أَسْأَرْتُ أَيْ أَفْضَلْتُ maka kata tersebut diambil dari ungkapan menyisakan atau melebihkan (bersisa). Dan yang dimaksud dengan su'rah (سُورَةٌ) adalah sisa minuman di dalam bekas. Jika tidak dihamzahkan, yaitu dengan mentashilkan kata menjadi سُورَةٌ سُورَةٌ, maka diartikan sebagai sebuah potongan atau bahagian daripada al-Quran. Ada juga yang menyamakan kata surah dengan ungkapan سُورَةُ الْبَيْتَاءِ yang bererti pagar bangunan. Juga dikatakan dalam sebuah ungkapan سُورَةُ الْمَدِينَةِ (pagar kota). Jadi seolah-olah surah adalah pagar yang memagari ayat-ayat dalam al-Quran laksana pagar yang memagari rumah (al-Suyuti, 2001).

Manakala dari segi istilah, surah bermaksud satu kumpulan ayat-ayat al-Quran yang terpisah yang mempunyai pembuka dan penutup (Adnan, 2003).

#### Definisi Makkiyyah

Di dalam mendefinisikan Makki, ulama' telah bercanggah pendapat. Percanggahan ini timbul disebabkan oleh pandangan sisi yang berbeza dari segi melihat kepada masa, tempat dan orang yang ditujukan (*dikhitabkan*) ayat-ayat tersebut (Muhammad, 1996 dan Manna', 1998). Definisi-definisi tersebut ialah:

- a. Definisi Makki dari segi masa diturunkan:  
*Makki* ialah apa yang diturunkan sebelum hijrah.
- b. Definisi Makki dari segi tempat diturunkan:  
*Makki* ialah apa yang diturunkan di Mekah dan di sekitarnya seperti di Mina, 'Arafah dan Hudaibiyah, walaupun selepas daripada hijrah.
- c. Definisi Makki dari segi orang yang ditujukan ayat-ayat tersebut (*al-mukhatab*):  
*Makki* ialah apa yang ditujukan kepada orang-orang Mekah, manakala *Madani* ialah apa yang ditujukan kepada orang-orang Madinah.

Namun, daripada ketiga-tiga maksud di atas, pendapat yang paling rajih ialah pendapat pertama iaitu yang mendefinisikan Makkiyyah menurut masa diturunkan. Ini kerana takrifan tersebut lebih menyeluruh dan lebih mudah untuk mengkategorikan surah-surah yang diturunkan adalah surah Makkiyyah.

Manakala pendapat kedua dan ketiga agak sempit dan terdapat surah-surah yang tidak dapat dikategorikan sebagai surah Makkiyyah sekiranya merujuk kepada pendapat kedua atau ketiga. Contohnya, terdapat ayat-ayat yang diturunkan selain daripada di Mekah dan sekitarnya. Dan ia juga tidak menunjukkan kepada surah Madaniyyah. Maka akan timbulah masalah dalam mengklasifikasikan surah tersebut. Begitu juga terdapat dalam satu surah, *khitab* yang ditujukan kepada orang-orang Mekah dan kepada orang-orang

Madinah serta ada surah yang langsung tidak ada *khitab* kepada orang-orang Mekah maupun orang-orang Madinah. Maka surah-surah ini tidak dapat dikategorikan samada surah *Makkiyyah* atau surah *Madaniyyah*.

### **Definisi Akidah**

Akidah dari segi bahasa berasal dari perkataan *aqada* (عَدَّ) yang memberi maksud mengikat dan menyimpul (Abd Rauf, 2005). Dan ada yang mendefinisikannya sebagai sesuatu yang menambat hati seseorang (Mustafa, tt).

Manakala dari segi istilah, para ulama' menggunakan perkataan akidah ini sebagai ilmu yang membahaskan perkara yang wajib dipercayai dan diimani oleh seseorang, dengan dalil yang sahih dan menyakinkan (Mustafa, tt).

### **4. METODE YANG DIGUNAKAN OLEH PARA ULAMA' UNTUK MENGENALI MAKKI**

Bagi mengenali *Makki*, para ulama' telah menggunakan dua metode yang penting iaitu, metode melalui pendengaran yang diambil (diriwayatkan) daripada orang sebelumnya *المنهج القياسي النقلي* (المنهج السماعي النقلي) dan metode melalui kias secara ijтиhad (al-Zarkashy, 1957).

Metode melalui pendengaran yang diambil (diriwayatkan) daripada orang sebelumnya bermaksud ia bersandarkan kepada riwayat yang sahih daripada sahabat-sahabat r.a. atau tabi'in yang mengambil dan mendengar daripada sahabat-sahabat r.a. bagaimana turunnya al-Quran, tempat turunnya al-Quran dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di sebalik penurunan al-Quran. Kebanyakkan surah-surah yang dikategorikan sebagai *Makkiyyah* diketahui melalui metode ini. Namun perlu diingatkan bahawa tidak ada satu riwayat pun yang datang secara langsung dari Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa surah-surah itu *Makkiyyah*.

Manakala metode melalui kias secara ijтиhad bermaksud ia bersandarkan kepada ciri-ciri yang terdapat pada surah *Makkiyyah*. Seandainya terdapat pada sesuatu surah itu ciri-ciri *Makkiyyah*, maka ia dianggap sebagai surah *Makkiyyah*.

### **5. PEMBAHAGIAN SURAH-SURAH MAKIYYAH DI DALAM AL-QURAN**

Berlaku khilaf di kalangan ulama berkenaan pembahagian surah-surah *Makiyyah* di dalam al-Quran. Imam Suyuti telah mendatangkan banyak pendapat ulama' dalam menentukan surah-surah *Makkiyyah*. Namun demikian, pendapat yang disepakati oleh ramai ulama' ialah apa yang dinyatakan oleh Abu Hassan al-Hassar dalam kitabnya *an-Nasakh wa al-Mansukh*, iaitu terdapat 82 surah. Manakala bakinya, iaitu 20 surah adalah surah *Madaniyyah* dan 12 surah yang khilaf samada *Makkiyyah* atau pun *Madaniyyah* (al-Suyuti, 2000). Surah-surah *Makkiyyah* ialah:

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SURAH</b>	<b>BIL.</b>	<b>NAMA SURAH</b>
1.	Al An'am	42.	Al Waqi'ah
2.	Al A'raf	43.	Al Mulk

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGAJIAN ISLAMIYYAT KALI KE-3 (IRSYAD2017)**  
**3<sup>rd</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIYYAT STUDIES (IRSYAD2017)**  
 المؤتمر الدولي الثالث للدراسات الإسلامية (IRSYAD2017)

3.	Yunus	44.	Al Qalam
4.	Hud	45.	Al Haqqah
5.	Yusuf	46.	Al Ma'arij
6.	Ibrahim	47.	Nuh
7.	Al Hijr	48.	Al Jin
8.	An Nahl	49.	Al Muzammil
9.	Al Isra'	50.	Al Muddatstsir
10.	Al Kahfi	51.	Al Qiyamah
11.	Maryam	52.	Al-Insan
12.	Thaha	53.	Al Mursalat
13.	Al Anbiya	54.	An Naba'
14.	Al-Haj	55.	An Nazi'at
15.	Al Mu'minun	56.	'Abasa
16.	Al Furqan	57.	At Takwir
17.	Asy Syu'ara	58.	Al Infithar
18.	An Naml	59.	Al Insyiqaq
19.	Al Qashash	60.	Al Buruj
20.	Al Ankabut	61.	Ath Thariq
21.	Ar Ruum	62.	Al A'la
22.	Luqman	63.	Al Ghasyiyah
23.	As Sajdah	64.	Al Fajr
24.	Sabaa'	65.	Al Balad
25.	Fathir	66.	Asy Syams
26.	Ya Sin	67.	Al Lail
27.	Ash Shaffat	68.	Adh Dhuha
28.	Shad	69.	Al Insyirah
29.	Az Zumar	70.	At Tiin
30.	Al Mu'min	71.	Al 'Alaq
31.	Al Fushshilat	72.	Al 'Adiyat
32.	Asy Syuraa	73.	Al Qari'ah
33.	Az Zukhruf	74.	At Takatsur
34.	Ad Dukhan	75.	Al 'Ashr
35.	Al Jasiyah	76.	Al Humazah
36.	Al Ahqaf	77.	Al Fiil
37.	Qaaf	78.	Al Quraisy
38.	Az Zariyat	79.	Al Ma'un
39.	Ath Thur	80.	Al Kautsar
40.	An Najm	81.	Al Kafirun
41.	Al Qamar	82.	Lahab

## **6. CIRI-CIRI KEISTIMEWAAN, TAJUK-TAJUK DAN GAYA BAHASA SURAH-SURAH MAKKIYYAH**

Ulama-ulama telah meneliti dan menganalisis surah-surah *Makiyyah* bagi mengistinbatkan ciri-ciri keistimewaan serta perbezaan yang terdapat padanya. Daripada penelitian tersebut, mereka telah membuat kesimpulan seperti mana berikut:

- i. Setiap surah yang mengandungi ayat sajadah ( di sisi Imam Syafi'e, terdapat 14 ayat di dalam al-Quran yang disunatkan sujud. Namun terdapat di kalangan as-Syafi'eyyah yang menambah satu lagi ayat sajadah pada surah Sad. Manakala Imam Abu Hanifah tidak mengira ayat sujud yang kedua pada surah al-Hajj dan menggantikannya dengan ayat sajadah dalam surah Sad ) kecuali surah ar-Ra'd dan al-Hajj. Khilaf di kalangan ulama' tentang surah ar-Ra'd, samada *Makkiyyah* ataupun *Madaniyyah*. Menurut pendapat yang rajih ia adalah surah *Makkiyyah*.
- ii. Setiap surah yang terdapat padanya lafaz { كَلَّا }. Lafaz ini diulang sebanyak 33 kali dalam 15 surah.
- iii. Setiap surah yang terdapat padanya lafaz { يَا أَيُّهَا النَّاسُ } kecuali surah al-Hajj.
- iv. Setiap surah yang terdapat padanya lafaz sumpah dengan nama Allah s.w.t. dan makhluk-makhlukNya kecuali dua ayat dari surah an-Nisa' dan at-Taghabun.
- v. Setiap surah yang dimulakan dengan huruf hijaiyyah kecuali al-Baqarah, Ali Imran dan ar-Ra'd.
- vi. Setiap surah yang terdapat padanya kisah-kisah nabi-nabi dan umat-umat terdahulu, kecuali surah al-Baqarah.
- vii. Setiap surah yang terdapat padanya kisah nabi Adam a.s. dan iblis serta peristiwa dikeluarkan nabi Adam dan Hawa daripada syurga, kecuali surah al-Baqarah.
- viii. Surah-surahnya mengandungi ayat-ayat yang menyeru kepada ketauhidan dan menyembah Allah yang maha esa, menyatakan tentang hari kiamat dan keadaannya, hari kebangkitan dan pembalasan, syurga dan nikmat-nikmatnya, neraka dan azab-azabnya serta perdebatan dengan golongan musyrikin.
- ix. Terdapat pada surah-surahnya asas-asas umum bagi hukum syara', menyatakan tentang kelebihan akhlak yang mulia dan mengeji akhlak yang buruk seperti menumpahkan darah dan membunuh anak perempuan.
- x. Kebanyakan ayat-ayat dalam surahnya pendek dan ringkas, tetapi mendalam dan tegas maksudnya.

## **7. AKIDAH ASAS KEPADA ISLAM**

Aqidah merupakan asas dan tunjang kepada Islam. Tanpa akidah, segala ibadah dan amalan yang dilakukan oleh seseorang manusia itu akan menjadi sia-sia. Lantaran itu sirah Nabi s.a.w. secara jelas menunjukkan bagaimana baginda s.a.w. mengambil masa yang lama untuk mendidik dan mentarbiyyah sahabat-sahabat r.a. ketika di Mekah. Masa yang diambil lebih kurang 13 tahun menjadi dalil bahawa akidah dan penyemaianya di dalam hati manusia adalah teramat penting dan memerlukan masa yang lama. Dan selepas itu barulah diturunkan pelbagai hukum syarak untuk diimplementasikan di dalam kehidupan mereka. Bahkan dakwah kepada mentauhidkan Allah s.w.t. merupakan agenda setiap rasul yang diutuskan oleh Allah s.w.t.

Perkara ini juga dijelaskan oleh al-Imam al-Ghazali menerusi kitabnya *Minhajul al-Abidin*:

“Maka awal-awal yang wajib ke atas anda ialah mengenal TuhanYa yang disembah, kemudian (baharulah) anda beribadat kepadaNya. Bagaimana anda (dapat) beribadat kepada Allah, sedangkan anda tidak mengetahui nama-namaNya, sifat-sifat zatNya dan perkara yang wajib bagiNya, serta apa yang mustahil pada sifatNya. Barangkali (dengan ketiadaan ilmu dan makrifat) anda mungkin beriktikad pada Allah s.w.t. dan pada sifat-sifatNya dengan sesuatu yang menyalahi (iktikad) yang sebenar. Maka (dengan iktikad yang salah itu) menjadi ibadat anda (siasia) seolah-olah debu yang bertaburan (al-Ghazali, 2016).

Justeru itu, akidah adalah awal-awal perkara yang mesti dipelajari dan dalam masa yang sama ia juga menjadi asas kepada kekuatan dan keutuhan umat Islam. Tanpa akidah yang sahih dan teguh umat Islam akan menjadi umat yang lemah, tidak beramal dengan ajaran Islam, tidak berakhhlak dengan akhlak Islam, terperangkap serta terpengaruh dengan ajaran-ajaran dan ideologi-ideologi yang sesat, berpecah belah, terlibat dengan pelbagai masalah sosial dan sebagainya. Dan tidak diragukan lagi, isu-isu yang melanda umat Islam hari ini, samada di peringkat nasional maupun internasional merupakan natijah daripada lemah dan tidak *jazm* (kukuh dan tetap)nya akidah mereka pada hari ini.

Semakin banyak isu-isu yang melanda dan melibatkan umat Islam mutakhir ini menunjukkan bahawa mereka berhadapan dengan krisis akidah yang makin parah. Firman Allah s.w.t.:

وَأَنَّ هَذَا صِرْطِي مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَشْتَهِي أُلُلَّا فَتَفَرَّقُ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ

Maksudnya:

Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah..

(al-An'aam: 153)

Oleh kerana itu, bagi mengembalikan kegembilangan umat Islam, mereka seharusnya kembali kepada apa yang telah digariskan oleh Allah s.w.t. dan ditunjukkan oleh baginda s.a.w. Ilmu akidah yang berteraskan pegangan *Ahli Sunnah wa al-Jamaah* sepatutnya dijadikan asas dalam pendidikan sebelum didedahkan dengan ilmu-ilmu ukhrawi dan duniawi yang lain. Ia perlu digubal dengan tersusun, agar ia mampu memberi impak yang sebaiknya. Tidak dinafikan, karya-karya yang telah dihasilkan oleh ulama-ulama silam khususnya adalah yang terbaik, namun di zaman ini ia kurang diminati oleh generasi muda sekarang. Jadi, perlunya metodologi yang lebih sesuai dan mampu diterima oleh mereka.

## 8. PERANAN SURAH-SURAH MAKKIYYAH DALAM MEMANTAPKAN AKIDAH UMMAH

Sebagai mana telah dinyatakan perihal surah-surah Makkiyyah di atas, di antara perkara yang amat ditekan di dalam surah Makkiyyah ialah pembinaan akidah yang sahih dan *dithabatkan* (diperteguhkan) di dalam jiwa setiap individu. Perkara ini dinyatakan oleh Syed Qutb di dalam bukunya Ma'alim fi al-Tariq:

Ayat-ayat al-Quran zaman Mekah telah diturunkan kepada Rasulullah s.a.w di dalam tempoh 13 tahun, dengan mengemukakan satu persoalan sahaja. Ya, hanya satu persoalan yang tidak berubah-ubah; tetapi cara mengemukakan persoalan itu hampir sama tidak berulang-ulang. Gaya dan cara al-Quran mengemukakan persoalan itu adalah luar biasa sekali, sehingga nampak seolah-olah persoalan itu masih tetap baru, bagaikan sesuatu yang baru sahaja dicetuskan untuk pertama kali.

Ayat-ayat al-Quran zaman Mekah itu menyelesaikan suatu persoalan besar, suatu persoalan utama dan penting, suatu persoalan asas bagi agama yang baru muncul itu iaitu persoalan akidah, yang diterapkan di atas tapaknya yang terpenting “ketuhanan” dan “pengabadian” serta pertalian antara keduanya (Syed Qutb, 1994).

Oleh kerana akidah merupakan asas kehidupan manusia, maka permulaan dakwah Nabi s.a.w. di Mekah dimulakan dengan menjelaskan akidah yang sahih, iaitu mentauhidkan Allah s.w.t. dengan kalimah لا إله إلا الله dan dalam masa yang sama menafikan akidah yang batil dan sesat. Bahkan merupakan *sunnah kauniyyah* apabila mahu membina sesuatu yang baru di atas binaan yang lama, binaan yang lama tersebut perlu dibuang terlebih dahulu. Menurut Dr. Sayyid Abdul Maqsud, disebabkan jiwa manusia itu satu, ia tidak boleh dipisahkan dari satu sudut dengan sudut yang lain. Maka al-Quran bertindak balas terhadap tabiat semulajadi jiwa ini dengan tindak balas kemukjizatan, iaitu dengan mendatangkan dua perkara penting secara serentak; langkah meruntuhkan dan membersihkan pada satu sudut dan langkah membina dan mengoreksi pada sudut yang lain (Sayyid Abd. Maqsud, 1993).

Metode ini terlalu banyak datang dalam surah-surah Makiyyah dengan pelbagai usul dan menakjubkan tetapi dengan tujuan dan matlamat yang satu. Di antaranya:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا {1} الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا {2} وَاتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ آلَهَةً لَا يَخْلُقُونَ شَيْئًا وَهُمْ يُخْلِقُونَ وَلَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ ضَرًَّا وَلَا نَفْعًا وَلَا يَمْلِكُونَ مَوْتًا وَلَا حَيَاةً وَلَا نُشُورًا {3}

Maksudnya:

Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Furqaan kepada hambaNya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam. Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahanNya; dan Dia lah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu

lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna. Dan mereka (yang kafir) mengambil benda-benda yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, yang tidak dapat mencipta sesuatupun, bahkan benda-benda itu diciptakan (oleh penyembah- penyembahnya dari bahan-bahan di bumi); dan benda-benda itu pula tidak berkuasa mendatangkan sesuatu bahaya atau sesuatu faedah untuk dirinya sendiri; dan tidak berkuasa mematikan atau menghidupkan, atau pun membangkitkan hidup semula makhluk-makhluk yang telah mati.

(Surah al-Furqan: 1-3)

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ قَالَ مَنْ يُحْيِي الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ {78} قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةً وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ {79} الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ مِنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا أَنْتُمْ مِنْهُ تُوقِدُونَ {80} أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَادِرٍ عَلَى أَنْ يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ بَلَى وَهُوَ الْخَلَقُ الْعَلِيمُ {81}

Maksudnya:

Tidakkah manusia itu melihat dan mengetahui, bahawa Kami telah menciptakan dia dari (setitis) air benih? Dalam pada itu (setelah Kami sempurnakan kejadiannya dan tenaga kekuatannya) maka dengan tidak semena-mena menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya (mengenai kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang mati), Serta ia mengemukakan satu misal perbandingan kepada Kami (tentang kekuasaan itu), dan ia pula lupakan keadaan Kami menciptakannya sambil ia bertanya: "Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur seperti debu?" Katakanlah: "Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada awal mula wujudnya; dan Ia Maha Mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakanNya); "Tuhan yang telah menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalaikan api dari pohon-pohon itu". Tidakkah diakui dan tidakkah dipercayai bahawa Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi (yang demikian besarnya) - berkuasa menciptakan semula manusia sebagaimana Ia menciptakan mereka dahulu? Ya! Diakui dan dipercayai berkuasa! Dan Dia lah Pencipta yang tidak ada bandinganNya, lagi Yang Maha Mengetahui.

(Surah Yaasiin: 78-81)

Selain dari itu, surah-surah Makiyyah juga menjelaskan rukun-rukun asas bagi akidah Islamiah, iaitu berimana kepada Allah s.w.t., malaikat-malaikatNya, kitab-kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari akhirat serta qadak dan qadar. Contohnya dalam Surah al-Nahl, Surah al-Waqi'ah, Surah al-Mulk, Surah al-Qiyamah dan juga surah-surah Makiyyah yang lain menekankan kepada rukun-rukun asas ini, bahkan diulang-ulang dengan uslub yang pelbagai agar orang yang membacanya mampu membuka mata dan akal seluas-luasnya untuk beriman kepada Allah s.w.t. dan yang lainnya.

## 9. KESIMPULAN

Al-Quran adalah sumber rujukan utama kepada umat Islam khususnya dalam perkara akidah. Sesiapa yang berpegang dengannya, dia tidak akan sesat selama-lamanya. Bagi menjamin kesahihan dan *kejazaman* akidah di dalam hati, panduan dan kaedah yang disediakan oleh al-Quran perlulah diberikan keutamaan. Al-Quran bukan setakat kitab yang dibaca dan difahami isinya, lalu diamalkan, bahkan terdapat padanya metode dan kaedah yang digunakan untuk menarik perhatian pembacanya. Seharusnya perkara ini juga perlu dikaji oleh umat Islam.

Krisis akidah yang melanda umat Islam hari ini amat membimbangkan. Mereka perlu kembali kepada al-Quran untuk menyelesaikan permasalahan ini. Hakikatnya apabila merujuk kepada surah-surah Makiyyah, Allah s.w.t telah menunjukkan metodologi terbaik yang akan membawa seseorang individu itu kepada berpegang dengan akidah yang sahih dan tepat dan menolak akidah-akidah yang sesat lagi menyesatkan. Oleh itu, tidak syak lagi surah-surah Makiyyah merupakan asas dan tunjang kepada keutuhan akidah ummah.

## 10. RUJUKAN

- Abdul Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (2000) *al-Itqan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Abd. Rauf Haji Hassan, Abdul Halim Salleh dan Khairul Amin Mohd Zain (2005) *Kamus (Bahasa Melayu – Bahasa Arab/ Bahasa Arab – Bahasa Melayu)*. Selangor: Oxford Fajar.
- Adnan Mohammad Zarzor (1998). *Madkhal fi Tafsir al-Quran wa Ulumuhu*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Manā' al-Qattan. (1998). *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Risalah.
- Muhammad bin Abdullah al-Zarkashy (1957). *Al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Muhammad Abdul Azim al-Zarqaniy (1996). *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Qutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad al-Ghazali. (2016). *Minhaj al-'Abidin*. Selangor: Pustaka Darul Iman
- Mustafa Sa'id al-Khin dan Muhyiddin Dib Misto (t.t) *Akidah al-Islamiah*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Othman Lebar (2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode Perak*: Penerbit Universiti Penyelidikan Sultan Idris.
- Sayyid Abdul Maqsud Ja'far. (1993). *Muqadimmah fi Khasois al-Khitab al-Qurani baina al-'Ahdain...al-Makki wa al-Madani*. Kaherah: Dar al-Thoba'wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Syed Qutb. (1994). *Petunjuk Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Crescent News.